

MUSIBAH MERUPAKAN UJIAN MEMANTAP IMAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ

عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾ (Surah Al-Mulk, ayat – 1 – 2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ

اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam erti kata mentaati dan melaksana segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Firman Allah SWT di dalam al Quran:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

Maksudnya: "...dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah, sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa". (Surah Al-Baqarah, ayat 194)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Hidup adalah ujian, sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَكَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya: " Dan sesungguhnya akan Kami berikan ujian kepada kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang yang sabar. (Iaitu) orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan 'INNA LILLAHI WA INNA ILAIHI RAAJI'UUN'. Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka dan mereka itulah yang mendapat petunjuk". (Surah Al-Baqarah, ayat 155-157)

Ayat ini menjelaskan beberapa bentuk ujian, keutamaan orang yang sabar ketika menerima ujian dalam bentuk musibah atau bala bencana. Dan orang yang beriman serta sabar di sisi Allah SWT akan mendapat keberkatan, rahmat dan petunjuk hidayah Allah SWT.

Antara bentuk ujian dan cubaan disebutkan dalam ayat ini, ialah:

1. Ketakutan. Takut tidak selamat, tiada makanan, penyakit berjangkit, takut musuh dan bermacam-macam bentuk ketakutan.
2. Kelaparan. Mungkin atas sebab tiada makanan, kemiskinan, fakir dan sebagainya
3. Kekurangan harta. Disebabkan kemiskinan, kemarau, banjir, dirampak, dicuri dan sebagai
4. Kekurangan jiwa. Ada yang mati, mungkin punca sebabnya ialah berlakunya peperangan, kemalangan, gempa, bencana, penyakit dan lain-lain.
5. Kekurangan buah-buahan, termasuk kurang makanan yang juga disebabkan banyak punca seperti berlaku kemarau, ditimpa banjir dan sebagainya.

Ketahuilah, bahawa ujian dan cubaan sedemikian menguji orang yang beriman dan orang yang sabar. Rasulullah SAW menegaskan berbahagia orang yang tahan diuji itu, sabdanya yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang yang bahagia itu ialah orang yang dijauhkan daripada fitnah-fitnah dan orang yang bila terkena ujian dan cubaan dia bersabar”*. (HR Imam Ahmad dan Abu Daud)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Ingatlah, sesungguhnya setiap ujian dan cubaan yang kita tempuh itu, sebenarnya adalah untuk Allah SWT tentukan siapakah hamba-hamba-Nya paling baik amalNya. Sebagaimana firman-Nya:

﴿٧﴾ إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

Maksudnya: *“Sesungguhnya telah Kami jadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak memberi cubaan (ujian) kepada mereka, siapakah di antara mereka yang paling baik amalNya”*. (Surah Al-Kahfi, ayat 7)

Yakin dan percayalah bahawa segala kesusahan atau bala bencana termasuk jerebu, kemarau, banjir dan sebagainya adalah dalam ilmu pengetahuan Allah SWT, sebagaimana firman-Nya di dalam Al Quran, menyebutkan perkara berkenaan:

﴿١١﴾ مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

﴿١٢﴾ لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا آتَاكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *“Tidak ada sesuatu kesusahan atau bala bencana yang ditimpakan di bumi dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya, sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. Kamu diberitahu tentang itu supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu dan tidak pula bergembira secara sombong dan bangga dengan apa yang diberikan kepada kamu. Dan ingatlah, Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur lagi membangga diri”*. (Surah Al-Hadid, ayat 22-23)

Merujuk mafhum ayat ini, terdapat beberapa pengajaran penting iaitu:

1. Allah Maha Mengetahui setiap sesuatu termasuk perkara bala bencana yang menimpa hamba-Nya.
2. Umat Islam yang beriman diingatkan supaya tidak bersedih dengan apa yang telah hilang dan luput.

3. Dilarang bergembira dalam keadaan sombong dan bangga diri terhadap apa jua kurnia pemberian Allah SWT.

4. Allah SWT tidak suka kepada hamba-Nya yang sombong takbur dan membangga diri.

Ingatlah, bahawa bala atau musibah yang menimpa itu adalah kerana puncanya daripada kita sendiri, sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al Quran, menjelaskan:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا وَكَفَى بِاللَّهِ

شَهِيدًا ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Apa saja nikmat yang kamu perolehi adalah dari Allah dan apa saja bencana yang menimpamu, maka dari (kesalahan) dirimu sendiri. Kami mengutusmu menjadi Rasul kepada segenap manusia . dan cukuplah Allah menjadi saksi”. (Surah An-Nisaa’, ayat 79)

Namun, beruntunglah bagi umat Islam yang beriman, ketika ditimpa bala dan musibah hanya kepada Allah SWT tempatnya memohon dan mengadu, sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam Hadithnya yang bermaksud: “Sesiapa yang ditimpa musibah pada hartanya atau dirinya, lalu dia menyembunyikannya dengan tidak mengeluh kepada manusia, maka hak atas Allah untuk mengampuninya”. (HR At-Thabrani)

Ujian dan musibah merupakan satu darjat di syurga, perkara ini disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam Hadithnya yang bermaksud: “Sesungguhnya seorang hamba itu memiliki suatu darjat di syurga. Ketika dia tidak dapat mencapainya dengan amal-amal kebajikannya, maka Allah menguji dan mencubanya (mengujinya) agar dia dapat mencapai darjat itu”. (HR At-Thabrani)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya segala ujian sama ada berupa keperitan hidup, penderitaan, kesukaran, kesengsaraan, melarat dan sebagainya merupakan Sunnatullah yang telah ditentukan yang akan menjadi sebab kita mendapat balasan kebaikan dan menjadi kaffarah menebus segala dosa kita di sisi Allah SWT, in syaa Allah kelak di akhirat akan mendapat balasan syurga, firman Allah SWT:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ وَزُلْزِلُوا حَتَّى

يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصُرُ اللَّهَ أَلاَ إِنَّا نَصُرُ اللَّهَ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

Maksudnya: “Apakah kamu mengira kamu akan masuk syurga sedangkan belum datang kepada kamu penderitaan seperti mana orang yang terdahulu dari kamu, mereka ditimpa kesengsaraan, kemelaratan dan kegoncangan, sehingga Rasul dan orang yang bersamanya merintih, bilakah datangnya pertolongan Allah. Ingatlah, sesungguhnya pertolongan Allah amat hampir”. (Surah Al-Baqarah, ayat 214)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tiadalah seorang mukmin ditimpa rasa sakit, kelelahan (kepayahan), diserang penyakit, kesedihan (kesusahan), hatta duri yang menusuk (tubuhnya) melainkan dengan itu Allah akan menghapus dosa-dosanya”. (HR Imam Bukhari)

Pengajaran daripada ayat Al Quran dan Hadith, antaranya:

1. Umat Islam terdahulu juga menderita dan merintih bersama Rasulullah SAW.
2. Terkena penyakit biasa atau penyakit yang lama itu merupakan kaffarah kepada dosa kita.
3. Penderitaan, kesukaran dan apa juga bentuk keperitan dalam hidup ini menjadi musabab dosa-dosa kita dihapuskan oleh Allah SWT.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN LAGI BUDIMAN,

Musibah atau bala bencana tidak akan menimpa khusus kepada orang zalim dan jahat sahaja, tetapi akan menimpa juga kepada semua orang. Firman Allah SWT:

وَأْتِقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan peliharalah diri kamu daripada fitnah (ujian) yang tidak khusus menimpa orang yang zalim sahaja di antara kamu dan ketahuilah, Allah amat keras siksaan-Nya”. (Surah Al-Anfaal, ayat 25)

Rasulullah SAW menyuruh umatnya supaya berdoa agar musibah yang menimpa itu menjadi sebab pahala akan diberikan Allah SWT kepada hamba-Nya yang ditimpa musibah, antara doa Baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Ya Allah berilah pahala atas musibah yang menimpaku ini dan berilah ganti yang lebih baik daripadanya”. (HR Imam Muslim)

Orang yang bertaubat akan beroleh kebaikan, manakala orang yang berpaling dan ingkar akan menerima siksa dan azab yang tidak terperi sakitnya. Firman Allah SWT:

فَإِنْ يَتُوبُوا يَكُ خَيْرًا لَهُمْ وَإِنْ يَتَوَلَّوْا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ مِنْ

وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “...Oleh itu jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan dan jika mereka berpaling ingkar, Allah akan menyiksa mereka dengan azab siksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan mereka tidak akan beroleh sesiapa pun di bumi ini yang menjadi pelindung dan juga yang menjadi penolong”. (Surah At-Taubah, ayat 74)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Demikianlah, kental, kuat dan hebatnya jiwa umat Islam yang beriman, ketika ditimpa ujian dengan berbagai-bagai musibah, keperitan, kepayahan, penyakit, bala bencana dan sebagainya, tetap sabar, tawakkal dan yakin bahawa Allah SWT akan mendengar keluhan dan doa mereka.

Mudah-mudahan kita semua, ahli keluarga, anak isteri dan masyarakat Islam seluruhnya akan memperolehi perlindungan serta limpahan barakah, rahmat dan redha Allah SWT di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا

بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah